

19 APR 1999
Pekerja-Ladang

PEKERJA LADANG MINTA PARLIMEN LULUSKAN UNDANG-UNDANG

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- Kira-kira 1,000 orang pekerja ladang berhimpun secara aman di luar bangunan Parlimen hari ini menuntut kerajaan meluluskan rang undang-undang yang melindungi hak mereka.

Perhimpunan itu bermula kira-kira pukul 10.30 pagi, setengah jam selepas Dewan Rakyat memulakan persidangan hari ini.

Seorang jurucakap penganjur perhimpunan itu, A.Sivarajan memberitahu pemberita, 12 orang wakil dari Jawatankuasa Sokong Masyarakat Ladang menyampaikan memorandum mengenai tuntutan mereka kepada wakil Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Ketua Pembangkang dan Yang Dipertua Dewan Rakyat.

Memorandum itu antara lain menuntut Parlimen menggubal dan meluluskan undang-undang baru berkaitan gaji dan perumahan, sebelum sidang Parlimen kali ini berakhiri bulan depan, katanya.

Menurutnya gaji harian yang baru iaitu RM11.50 sehari, setelah kenaikan sebanyak RM1.10, masih terlalu rendah dan gagal menjamin hak pekerja ladang.

Mereka juga menandatangani poskad-poskad rayuan yang dialamatkan kepada Dr Mahathir untuk menyatakan rasa tidak puas hati mereka kerana sudah lebih tiga generasi pekerja ladang masih belum diberikan gaji secara bulanan, kenaikan gaji dan bonus.

Mereka menuntut skim gaji bulanan minimum RM750, bonus tahunan sebulan gaji, kenaikan gaji RM50 setahun dan faedah persaraan sebanyak RM1,000 bagi setiap tahun perkhidmatan.

-- BERNAMA

YBK AHH RI